# ترنسفورماسي كأره
# ڤرخدمتن عوام يغ ڤروݢريسيف

# TRANSFORMASI KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG PROGRESIF



**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**



**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota**
**Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia**
**Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah,**
D.K.M.B., D.P.K.T., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K., (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), P.H.B.S.

**Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri**

## Petikan Titah Mengenai Perkhidmatan Awam

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

## SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM KALI KE-24, TAHUN 2017

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. Pada hari Rabu, 3 Rabiulawal 1439 bersamaan 22 November 2017.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem.

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua dapatlah kita berkumpul pada pagi ini di Majlis Kemuncak Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-24.

Perkhidmatan Awam adalah nadi utama yang menentukan kemajuan dan keutuhan sesebuah negara.

Kerana itu, Beta sentiasa mengikuti perkembangan prestasi dan situasi Perkhidmatan Awam dari sudut perkhidmatannya.

Maka dalam hubungan ini, Beta sukacita mengambil maklum bahawa Jabatan Perdana Menteri sebagai agensi utama dalam memimpin Perkhidmatan Awam sedang giat melaksanakan Rangka Kerja Perkhidmatan Awam itu.

Salah satu transformasi yang telah dikenalkan mulai 1 Oktober 2017 ialah Sistem Pengurusan Prestasi Baru bagi semua warga Perkhidmatan Awam. Matlamat utamanya adalah jelas, iaitu untuk membolehkan penilaian hasil kerja setiap pegawai dan kakitangan adalah adil, telus dan objektif serta mencerminkan sumbangan sebenar masing-masing.

Pada hemat Beta, memang sesuai sistem penilaian memberikan tumpuan kepada Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicator* (KPI) di samping

Penilaian Kompetensi. Dalam hal ini, Beta menyeru setiap warga Perkhidmatan Awam untuk benar-benar mengambil serius dalam melaksanakan Sistem Penilaian Prestasi baru ini mengikut garispandu yang telah ditetapkan.

Beta percaya sistem baru ini juga akan lebih menyumbang kepada produktiviti dan daya saing dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan dan berkualiti serta menggalakkan inovasi sebagai budaya kerja.

Menyebut mengenai inovasi, warga Perkhidmatan Awam, tidak boleh tidak, perlu menjana idea-idea baru bagi memacu penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan. Di sinilah pemimpin-pemimpin Perkhidmatan Awam dari peringkat Setiausaha Tetap, Ketua Jabatan malahan peringkat Ketua Unit perlu memainkan peranan mereka dalam melakukan rebiu semula ke atas tatacara atau proses pemberian perkhidmatan.

Beta percaya kejayaan akan lebih menyerlah lagi apabila berlaku penyertaan yang meluas dari seluruh lapisan Perkhidmatan Awam. Budaya inovasi ini juga boleh menjadi penggalak kepada pelaburan asing bagi kemanfa'atan ekonomi.

Bercakap mengenai ekonomi, Alhamdulillah, usaha Kerajaan ke arah penambahbaikan pada setakat ini, telah pun menampakkan tanda-tanda positif.

Baru-baru ini, Laporan Bank Dunia mengenai *Ease of Doing Business* bagi tahun 2018 telah menyatakan kedudukan negara sebagai terus meningkat kepada 56 anak tangga dari kedudukan 105, tiga tahun sebelum ini. Negara kita jua terus diiktiraf sebagai satu ekonomi yang paling meningkat atau *most improved* dalam melaksanakan reformasi bagi tiga tahun berturut-turut. Lebih membanggakan lagi, satu petunjuk iaitu 'Getting Kredit' telah meraih tangga kedua tertinggi di dunia.

Pencapaian yang menggalakkan ini adalah bukti jelas keberkesanan kepimpinan dan pendekatan 'whole-of-nation'. Beta yakin, persekitaran perniagaan di negara ini akan dapat dipertingkatkan lagi sehingga mencapai anak tangga 20 teratas atau "Top-Twenty" yang disasarkan.

Bagaimanapun, pada hemat Beta, semua inisiatif yang disusun di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam tidak akan sempurna tanpa mengambil kira faktor-faktor kerohanian, akhlak dan etika bagi warga Perkhidmatan Awam.

Warga Perkhidmatan Awam yang baik ialah mereka yang berkhidmat dengan jujur dan amanah, bukan yang cekap tetapi curang. Kecekapan tidak akan bernilai apa-apa jika ia digunakan untuk menganiaya manusia. Kalau siapa diberikan kuasa, maka kuasa itu adalah amanah, tidak boleh digunakan sewenang-wenang, seperti untuk kepentingan diri sendiri atau untuk menjejaskan orang lain, sekalipun yang terjejas itu hanya sekadar 'nama baik' sahaja.

Ini adalah penting. Beta tidak mahu di dalam Perkhidmatan Awam ada orang yang menyalah-gunakan kuasa, atau tukang-tukang cipta fitnah. Ini semua, tidak mendatangkan sebarang kebaikan, melainkan sebaliknya banyak mengundang kepada keburukan. Perkhidmatan Awam mesti bersih daripada semua ini, barulah negara dan Kerajaan akan beroleh berkat.

Beta pernah mendorong supaya mengamalkan semangat berpasukan, lebih-lebih lagi bagi warga Perkhidmatan Awam, kerana kerja-kerja yang dibuat secara berpasukan itu boleh mendatangkan lebih kebaikan. Tetapi apabila disebut berpasukan, ia bukanlah satu "pakatan", dalam makna komplot atau kronisme. Komplot atau kronisme biasanya mempunyai ketua untuk mengontrol ahli-ahli kumpulan berkenaan, tetapi pasukan bukan begitu. Sifat pasukan adalah semata-mata muafakat dan mesyuarat. Semua ini perlu dibezakan.

Akhirnya, Beta dengan besar hati mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Pekerja Cemerlang dan pemenang-pemenang Anugerah Kumpulan Kerja Cemerlang Perkhidmatan Awam. Beta berharap anugerah-anugerah ini dapat menjadi sumber inspirasi kepada semua warga Perkhidmatan Awam untuk mempertingkatkan lagi tahap kecemerlangan perkhidmatan.

Beta juga tidak lupa mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang bersara pada tahun ini di atas sumbangan dan jasa bakti mereka semasa dalam perkhidmatan. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala jua, yang akan membalas pengorbanan mereka itu dengan ganjaran yang berlipat ganda.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

# KANDUNGAN


| | |
|---|---|
| Sekapur Sirih | 12 |
| Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 | 14 |
| Huraian Tema Hari Perkhidmatan Awam | 16 |
| Tema-Tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2007-2017 | 20 |
| Ikrar Perkhidmatan Awam | 22 |
| Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) Melalui Penarafan Bintang | 24 |
| Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) | 30 |
| Penerima-Penerima Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) | 34 |
| Anugerah Penghargaan Khas Kakitangan Perkhidmatan Awam (PKKPA) | 48 |
| Penerima-Penerima Anugerah Penghargaan Khas Kakitangan Perkhidmatan Awam (PKKPA) | 50 |
| Kenangan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24, Tahun 2017 | 62 |
| Khutbah Jumaat Khas Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24, Tahun 2017 | 66 |
| Acara Keagamaan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25, Tahun 2018 | 70 |
| Perangkaan Perkhidmatan Awam | 74 |
| Senarai Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25, Tahun 2018 | 82 |
| Senarai Jawatankuasa Eksekutif Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25, Tahun 2018 | 88 |

# SEKAPUR SIRIH

## SEKAPUR SIRIH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ



Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, tahun ini sekali lagi kita sama-sama meraikan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25.

Tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam tahun ini, **"Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif"** menekankan kepentingan bagi agensi Perkhidmatan Awam untuk menanai budaya dan persekitaran kerja yang dinamik, inovatif dan progresif agar sentiasa memberikan khidmat terbaik kepada masyarakat dan Negara. Budaya kerja tersebut bolehlah dicapai melalui transformasi cara pemikiran ke arah yang lebih positif dan konstruktif, yang mana akan mendorong kepada penambahbaikan dan pembaharuan yang menjurus kepada kecemerlangan serta keberkesanan Perkhidmatan Awam. Oleh yang demikian, setiap warga Perkhidmatan Awam adalah sangat digalakkan untuk sama-sama menyumbangkan buah fikiran dan tenaga dengan penuh semangat, iltizam dan amanah kerana setiap warga Perkhidmatan Awam berperanan untuk bertindak sebagai pemangkin dan pencetus perlaksanaan dasar-dasar Kerajaan bagi merealisasikan wawasan Negara.

Sepertimana yang diketahui, 'Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) Melalui Penarafan Bintang' telah dilancarkan secara rasminya pada 28 Mac 2015 bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-21. Program ini merupakan salah satu inisiatif berterusan Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

Tujuan 3PSA adalah untuk mengukur tahap prestasi dan membolehkan pengiktirafan (melalui penarafan bintang) kepada Kementerian atau Jabatan Kerajaan yang telah melaksanakan urustadbir terbaik. Sebanyak 19 Jabatan telah dinilai bagi Tahun Kewangan 2016/2017 dan 2017/2018, dan penyampaian 3PSA ini akan buat julung kalinya diadakan pada tahun ini. Besarlah harapan saya agar program ini akan menjana impak yang positif dan menggalakkan persaingan sihat antara Jabatan Kerajaan untuk

sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik melalui Jabatan masing-masing.

Alhamdulillah, bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-25 ini, satu pengiktirafan khas iaitu 'Anugerah Penghargaan Khas Kakitangan Perkhidmatan Awam (PKKPA)' diperkenalkan. Penghargaan khas ini adalah bagi menghargai dan mengenang jasa yang telah diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan seseorang kakitangan Bahagian V di dalam perkhidmatan tetap yang telah menunjukkan nilai-nilai tanggungjawab yang tinggi dan mulia. Adalah dihasratkan agar penghargaan ini dapat meningkatkan kesedaran tentang kepentingan jawatan-jawatan Bahagian V dalam memastikan kelicinan jentera Perkhidmatan Awam.

Manakala, Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) yang disampaikan pada setiap tahun adalah bertujuan untuk memberikan pengiktirafan dan penghargaan khusus kepada Pegawai-pegawai dan Kakitangan-kakitangan daripada Bahagian II, III, IV dan V yang telah menunjukkan dedikasi yang tinggi, prestasi kerja yang cemerlang dan mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh Pegawai dan Kakitangan yang lain.

Adalah diharapkan agar kedua-dua anugerah dan pengiktirafan tersebut akan dapat menyuntik semangat dan motivasi untuk terus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti kerja dalam Kementerian dan Jabatan masing-masing. Syabas dan tahniah diucapkan kepada penerima-penerima Anugerah Penghargaan Khas Kakitangan Perkhidmatan Awam (PKKPA) dan Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA).

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah bersara pada tahun ini di atas jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semoga segala sumbangan ikhlas yang telah dicurahkan akan sentiasa diredhai dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Akhirnya, saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-25 Tahun 2018, dengan tulus ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam sama-sama menjayakan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam ini. Hanya Allah Subhanahu Wata'ala sahaja yang akan memberikan balasan pahala yang setimpal.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**[ AWANG HAJI ROSLAN BIN HAJI TAJA'AH ]**
Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri
Selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi
Sambutan Hari Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam Kali Ke-25, Tahun 2018

# WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

واوسن ڤرخدمتن عوام ابد ك-٢١

WAWASAN PERKHIDMATAN AWAM ABAD KE-21

**“Untuk menjadikan Perkhidmatan Awam**

**Negara Brunei Darussalam**

**yang sentiasa membangun dan berusaha**

**dengan gayanya tersendiri menurut calak Islam**

**dalam persekitaran yang sihat dan selamat**

**di bawah inayah dan petunjuk**

**Allah Subhanahu Wata’ala”**

# HURAIAN TEMA
# HARI PERKHIDMATAN AWAM

## TRANSFORMASI KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG PROGRESIF

Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam sedang berada di zaman yang serba mencabar dan mengalami pelbagai perubahan. Cabaran dan perubahan ini sebahagian besarnya berkait rapat dengan *survival* bangsa dan negara di masa hadapan yang dibawa oleh arus globalisasi yang mengakibatkan isu sosio-ekonomi, bukan sahaja dihadapi oleh sesebuah Negara, bahkan juga telah menjadi satu isu global. Ini adalah memandangkan pergantungan di antara negara-negara adalah satu realiti dan agenda utama, bukan sahaja dari segi perdagangan dan perhubungan, bahkan juga dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

Tema ini memberi penekanan terhadap kepentingan Perkhidmatan Awam yang berdaya maju dalam terus berusaha untuk menyediakan eko-sistem dan persekitaran yang terbaik bagi rakyat Negara Brunei Darussalam. Transformasi membawa erti responsif terhadap aspirasi dan lebih prihatin kepada keperluan masyarakat. Ianya juga termasuk transformasi cara berfikir dan bertindak dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan bagi merealisasikan wawasan Negara.

Untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035, warga Perkhidmatan Awam perlulah bersedia untuk mengubah cara berfikir daripada cara lama yang boleh mengongkong kemajuan, kepada cara yang positif dan konstruktif selaras dengan kemajuan dan kehendak semasa dan akan datang. Oleh yang demikian, warga Perkhidmatan Awam haruslah berfikiran secara proaktif, di samping bersikap adaptif dan responsif terhadap perubahan persekitaran serta mampu berhadapan dengan realiti.

Dalam era perubahan yang pantas, warga Perkhidmatan Awam hendaklah memiliki *attitude of mind* yang kreatif dan inovatif dalam menghadapi cabaran-cabaran pentadbiran awam di alaf yang baru ini. Dengan mempunyai keupayaan seperti ini, warga Perkhidmatan Awam akan dilengkapi dengan daya fikir yang tinggi serta mempunyai kemahuan dan keberanian dalam membuat perubahan.

Justeru adalah perlu bagi agensi Perkhidmatan Awam itu untuk sentiasa mementingkan budaya kerja yang dinamik, kreatif dan progresif serta berkomitmen tinggi dalam melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan yang berterusan. Hal ini amat penting dan juga ditekankan dalam Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 supaya Perkhidmatan Awam sentiasa membangun dan maju mengikut kemampuan serta keupayaannya sendiri berlandaskan ajaran dan akidah Islam yang diredhai Allah Subhanahu Wata'ala jua, dalam keadaan dan suasana yang aman, makmur, tenteram di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua. Dalam hal ini, Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21 juga menghendaki setiap agensi Kerajaan dalam Perkhidmatan Awam supaya sentiasa melaksanakan transformasi dan penambahbaikan yang progresif ke atas tiga (3) fokus utama iaitu struktur organisasi, dasar dan perlakuan organisasi.

Matlamat mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang hanya boleh dicapai menerusi transformasi minda dan sikap yang positif dan murni yang akan bertindak sebagai pemangkin dan pencetus kepada kecemerlangan dan keberkesanan perkhidmatan. Pembaharuan-pembaharuan dari aspek struktur organisasi, peralatan pejabat, sistem prosedur kerja, teknologi komputer dan sebagainya tidak akan memberikan kesan atau impak yang signifikan tanpa diiringi dengan kesedaran dan transformasi minda dan sikap positif serta komitmen yang tinggi terhadap keperluan menyediakan perkhidmatan yang cemerlang bagi memenuhi kehendak pihak-pihak yang berkepentingan.

# TEMA-TEMA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM 2007-2017

## TEMA-TEMA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM (HPA) 2007-2017

<table>
<tr><th>BIL.</th><th>TAHUN</th><th>HPA KALI KE-</th><th>TARIKH</th><th>TEMA</th></tr>
<tr><td>1.</td><td>2007</td><td>14</td><td>Hari Sabtu<br>29 Syawal 1428 / 10 November 2007</td><td>‘Menjulang Kepimpinan Laila Kesejahteraan’</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>2008</td><td>15</td><td>Hari Selasa<br>12 Zulkaedah 1429 / 11 November 2008</td><td>‘Kecemerlangan Dalam Perkhidmatan Awam’</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>2009</td><td>16</td><td colspan="2">(Majlis Sambutan HPA di Jame’ ‘Asr Hassanil Bolkiah)<br>Hari Isnin<br>10 Syawal 1430 / 28 September 2009<br><br>(Majlis Penyerahan Sijil-Sijil Perkhidmatan bagi Pesara, Penyerahan Buku Warga Perkhidmatan Awam Penggerak Negara Zikir dan Penyampaian Hadiah-Hadiah Pertandingan Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kebangsaan Kali Ke-12 Sempena HPA Kali Ke-16 di Banquet Hall, Bangunan Majlis Mesyuarat Negara)<br>Hari Selasa<br>17 Syawal 1430 / 6 Oktober 2009</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>2010</td><td>17</td><td>Hari Khamis<br>13 Zulkaedah 1431 / 21 Oktober 2010</td><td rowspan="3">‘Bersatu Padu Ke Arah Mencapai Wawasan Brunei 2035’</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>2011</td><td>18</td><td>Hari Khamis<br>15 Zulkaedah 1432 / 13 Oktober 2011</td></tr>
<tr><td>6.</td><td>2012</td><td>19</td><td>Hari Rabu<br>1 Zulhijjah 1433 / 17 Oktober 2012</td></tr>
<tr><td>7.</td><td>2013</td><td>20</td><td>Hari Rabu<br>1 Safar 1435 / 4 Disember 2013</td><td rowspan="3">‘Urustadbir Dinamik Ke Arah Kesejahteraan Negara’</td></tr>
<tr><td>8.</td><td>2014</td><td>21</td><td>Hari Khamis<br>4 Safar 1436 / 27 November 2014</td></tr>
<tr><td>9.</td><td>2015</td><td>22</td><td>Hari Selasa<br>12 Safar 1437 / 24 November 2015</td></tr>
<tr><td>10.</td><td>2016</td><td>23</td><td>Hari Khamis<br>19 Muharram 1438 / 20 Oktober 2016</td><td rowspan="2">‘Transformasi Ke Arah Perkhidmatan Awam Yang Progresif’</td></tr>
<tr><td>11.</td><td>2017</td><td>24</td><td>Hari Rabu<br>3 Rabiulawal 1439 / 22 November 2017</td></tr>
</table>

# IKRAR

# PERKHIDMATAN AWAM

# IKRAR PERKHIDMATAN AWAM

Dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala,
kami, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
dengan ini berikrar:

Menjunjung tinggi dan menghayati Falsafah Negara Melayu Islam Beraja
yang bersendikan ajaran-ajaran Ugama Islam
menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

Memelihara dan mengamalkan dengan teguh
prinsip-prinsip "Hablun MinAllah" iaitu hubungan dengan Allah
dan "Hablun Min An-Nas" iaitu hubungan dengan manusia.

Patuh melaksanakan kehendak dasar-dasar Kerajaan,
undang-undang Negara, peraturan dan arahan kerja dengan jujur,
ikhlas, amanah, bijaksana dan bertanggungjawab. Sentiasa memelihara
dan meningkatkan martabat, kewibawaan, kecemerlangan dan kebolehharapan
Perkhidmatan Awam dengan sifat dan sikap pro-aktif, iltizam,
inovatif, pemedulian, cekap, telus, titih, lutanan,
bertatatertib dan berakhlak mulia.

Sentiasa berusaha meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja,
mempunyai daya tahan, daya saing dan bersedia menghadapi cabaran.

Berkhidmat berasaskan keadilan serta amanah untuk agama, bangsa,
Kerajaan dan Negara pada menjunjung tinggi kemerdekaan dan kedaulatan
sehingga terwujud negara aman, makmur, sejahtera, mendapat keampunan,
keberkatan serta redha Allah Subhanahu Wata'ala.

# PROGRAM PENGGREDAN PRESTASI SEKTOR AWAM (3PSA) MELALUI PENARAFAN BINTANG

## Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) Melalui Penarafan Bintang

Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD)
Jabatan Perdana Menteri

Program Penggredan Prestasi Sektor Awam (3PSA) Melalui Penarafan Bintang diperkenalkan bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-21 pada 27 November 2014:

> *"Beta juga mengalu-alukan usaha Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang sedang giat menjalankan pengauditan pengurusan, bukan sahaja bagi mengetahui kekuatan dan kelemahan pengurusan dalam perkhidmatan awam tetapi juga untuk memberikan taraf bintang kepada pengurusan yang memenuhi kriteria-kriteria pengiktirafan. Skop pengauditan ini mencakupi Tekad Pemedulian Orang Ramai, TPOR, Manual Pengurusan Kerja, MPK, rancangan strategik, program pembaharuan pembaikan serta pengurusan pelanggan."*

Program ini dilancarkan secara rasminya pada 28 Mac 2015. Pelaksanaannya telah dimaklumkan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri (JPM) bilangan 4/2015 dan ianya adalah salah satu inisiatif berterusan JPM melalui Jabatan Perkhidmatan Pengurusan (MSD) dalam usaha untuk meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

### 1. Kaitan 3PSA dengan Wawasan Brunei 2035 dan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21

Program ini merupakan salah satu aktiviti bagi mendukung pelaksanaan Rangka Kerja Perkhidmatan Awam *(Civil Service Framework, CSF)*, yang mana KPI-KPI di dalam CSF menyumbang kepada pencapaian Prestasi Kebangsaan (KPI) : Indeks Keberkesanan Kerajaan *(Government Effectiveness Index)*. Pencapaian Prestasi Kebangsaan ini akan membantu dalam mencapai matlamat kedua Wawasan Brunei 2035 iaitu kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi melalui pemberian perkhidmatan yang cemerlang. Di samping itu, 3PSA juga antara inisiatif yang mendukung Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21.




*Rajah 1 : Kaitan 3PSA dengan Wawasan Brunei 2035 dan Wawasan Perkhidmatan Awam Abad Ke-21*

## 2. Definisi dan Objektif 3PSA

3PSA adalah instrumen dalam mengukur tahap prestasi Jabatan Kerajaan dan sekaligus membolehkan pengiktirafan atau penghargaan (melalui penarafan bintang) kepada Kementerian atau Jabatan Kerajaan yang jelas telah berusaha dan berjaya melaksanakan urustadbir yang terbaik. Ini setentunya akan menjana impak yang positif terhadap prestasi, produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan Jabatan-jabatan tersebut.

Objektif pelaksanaan 3PSA adalah:

a. Menilai dan mengukur prestasi setiap agensi Kerajaan ke arah memastikan penyampaian perkhidmatan berada di tahap yang cemerlang;

b. Menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan agensi Kerajaan dalam amalan pengurusan organisasi dan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan;

c. Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk meningkatkan prestasi, kualiti dan produktiviti kerja di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

d. Membantu dalam memberkesankan lagi usaha-usaha penambahbaikan dan pembaharuan yang telah / sedang / akan dilaksanakan dalam Perkhidmatan Awam;

e. Memberi promosi yang meluas mengenai dasar, strategi, mekanisme dan amalan terbaik yang dapat dijadikan sebagai tanda aras *(benchmark)* dalam Perkhidmatan Awam serta pengurusan prestasi dan kualiti yang telah membawa kejayaan kepada organisasi; dan

f. Memberi penghargaan dan pengiktirafan secara formal kepada agensi Kerajaan yang telah menunjukkan tahap urustadbir yang terbaik *(good governance)* serta sentiasa meningkatkan kualiti perkhidmatan yang unggul.

**3. Skop Penilaian dan Pemarkahan 3PSA**

3PSA dibahagikan kepada empat (4) skop penilaian (Strategi & Pelaksanaan, Dasar & Pelaksanaan, Sumber Manusia dan Pemedulian Pelanggan). Skop penilaian ini selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-22 pada 24 November 2015, antara lain:

> *"Pemimpin yang berkualiti bukan saja* ***MEMPUNYAI WAWASAN DAN HALA TUJU YANG JELAS****, tetapi juga mempunyai kerajinan dan kesungguhan untuk* ***MELAKUKAN APA SAJA PEMBAIKAN ATAU PEMBAHARUAN YANG PERLU.*** *Mereka sanggup turun padang untuk melihat apa-apa yang perlu ditangani dan diperbaiki. Inilah sifat pemimpin atau pegawai yang bagus. Kejayaan pemimpin atau pegawai dapat diukur dari cara mereka* ***MENANGANI TUGAS DAN MEMBIMBING ORANG-ORANG DI BAWAH MEREKA.*** *Ini sangat penting, bagi memastikan segala rancangan dan matlamat dapat dicapai dengan sempurna. Dalam aktiviti perekonomian umpamanya, warga Perkhidmatan Awam sangat* ***PERLU MEMAHAMI KEPERLUAN ORANG RAMAI,*** *terutama para usahawan dan pelabur. Mereka ini sentiasa berhajatkan layanan dan pimpinan terbaik, sempurna dan cepat. Jika kita gagal, bererti ini adalah kegagalan Kerajaan."*

Pemarkahan dibahagikan kepada dua (2) dimensi iaitu pembolehdaya *(enablers)* dan pencapaian *(results)*. Pemarkahan dan penilaian 3PSA ini menekankan kepada pencapaian *(result-oriented)* yang berasaskan kepada bukti *(evidence-based)*. Ianya adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-23 pada 20 Oktober 2016:

> *"Beta penuh yakin, dengan usaha bersepadu semua Kementerian, yang dilengkapi dengan strategi-strategi yang berasaskan evidence dan result-based, kita insyaAllah akan dapat menjayakan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035"*

## KRITERIA PENILAIAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| PEMBOLEHDAYA [ENABLERS] W : 40% | W : 13%<br>Pembentukan, Pelaksanaan & Pemantauan Perancangan Strategik | W : 7%<br>Pewujudan & Pelaksanaan : Dasar, Program, Akta, Peraturan, Sistem, Proses | W : 7%<br>Pengurusan STM, Pembangunan STM, Amalan Budaya Kerja Berpasukan | W : 13%<br>TPOR, MPK, Pengendalian Aduan, Standard Minima Perkhidmatan Kaunter |
| SKOP | STRATEGI & PELAKSANAAN | DASAR & PELAKSANAAN | SUMBER MANUSIA | PEMEDULIAN PELANGGAN |
| PENCAPAIAN [RESULTS] W : 60% | Pencapaian KPI<br>W : 17% | Laporan Kemajuan : Dasar, Program, Akta, Peraturan, Sistem, Proses<br>W : 13% | Penilaian prestasi, Latihan 100 jam, Kerja Berpasukan, Kedatangan<br>W : 13% | Pencapaian TPOR, Penilaian MPK, Penyelesaian Aduan, KSTP<br>W : 17% |

*Rajah 2 : Skop dan wajaran 3PSA*

### 4. Penarafan Bintang

Tahap penarafan bintang atau pencapaian diberikan berdasarkan jumlah pemarkahan yang diperolehi oleh Jabatan yang dinilai. Hasil penemuan penilaian disahkan oleh Jawatankuasa Khas untuk tujuan penganugerahan bintang yang diberikan kepada Jabatan-jabatan Kerajaan yang berjaya memperolehi tiga (3) bintang dan ke atas, dan sah laku selama tiga (3) tahun.




*Rajah 3 : Jumlah markah dan penarafan bintang*

## 5. Jabatan yang telah dinilai bagi Tahun Kewangan 2016/2017 dan 2017/2018

Pada peringkat awal, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan memfokuskan kepada Jabatan-jabatan yang banyak berurusan dengan orang ramai. Sebanyak 19 Jabatan yang banyak berurusan dengan orang ramai telah dinilai bagi Tahun Kewangan 2016/2017 dan 2017/2018 seperti berikut:

| 2016 \| 2017 | 2017 \| 2018 |
|---|---|
| Jabatan Perkhidmatan Farmasi | Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan |
| Jabatan Perkhidmatan Elektrik | Jabatan Perbendaharaan |
| Jabatan Tanah | Pusat Dakwah Islamiah |
| Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya | Jabatan Daerah Brunei dan Muara |
| Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan | Jabatan Buruh |
| Jabatan Perancang Bandar dan Desa | Jabatan Pembangunan Masyarakat |
| Jabatan Hal Ehwal Syariah | Jabatan Kemajuan Perumahan |
| Jabatan Ukur | Jabatan Pengangkutan Darat |
| Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi) | Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan |
| Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya | |

## 6. Harapan 3PSA

Dengan terlaksananya 3PSA ini diharap akan memberikan impak yang positif terhadap Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam, selain menggalakkan pendekatan *results oriented* dan persaingan sihat antara Jabatan Kerajaan. Sesuai dengan hasrat pengenalannya, 3PSA dapat digunakan sebagai *diagnostic tools* untuk mengenal pasti kekuatan dan peluang pembaikan *(opportunities for improvement)* serta memberikan preskriptif pembaikan. Ianya juga membantu untuk menetapkan keutamaan inisiatif dan pelaksanaan penambahbaikan dalam sistem pengurusan serta selaku kompas dalam mengarahkan *journey towards excellence.*

# ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM (APCPA)

## PENGENALAN

Anugerah Pekerja Cemerlang Perkhidmatan Awam (APCPA) ini julung kali diadakan bagi seluruh Kementerian dan Jabatan-Jabatan di bawahnya bersempena dengan Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-17, Tahun 2010.

APCPA ini merupakan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang. Kualiti dan penghasilan kerja Pegawai / Kakitangan berkenaan seringkali melebihi daripada keperluan tugas dan tanggungjawab jawatan serta mempunyai keperibadian yang boleh dicontohi oleh Pegawai / Kakitangan yang lain.

**OBJEKTIF**

♦ Untuk menggalakkan dan meningkatkan kesedaran tentang perlunya peningkatan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Kementerian atau Jabatan khususnya dan Perkhidmatan Awam umumnya. Di samping itu juga, ianya dihasratkan akan mewujudkan dan menanai budaya kerja cemerlang dalam Perkhidmatan Awam.

♦ Untuk memberikan dorongan dan pengiktirafan secara formal kepada warga Perkhidmatan Awam yang telah menunjukkan prestasi kerja yang tinggi dan bermutu, serta dapat menjadi contoh kepada Pegawai / Kakitangan yang lain untuk berusaha ke arah meningkatkan lagi prestasi kerja, produktiviti dan kualiti perkhidmatan masing-masing.

♦ Untuk memberikan pengiktirafan kepada Pegawai / Kakitangan Kementerian atau Jabatan yang telah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cemerlang serta berupaya memperkenalkan beberapa inisiatif dan usaha bagi peningkatan produktiviti dan kualiti perkhidmatan.

♦ Untuk memupuk dan meningkatkan iltizam, daya kreativiti di kalangan Pegawai / Kakitangan dalam aspek peningkatan produktiviti dan kualiti dan sekaligus meningkatkan prestasi, produktiviti dan kualiti dalam Perkhidmatan Awam.

♦ Untuk menggalakkan persaingan yang sihat di kalangan Pegawai / Kakitangan Kementerian atau Jabatan bagi memperbaiki lagi amalan pengurusan yang produktif dan berkualiti yang menjurus ke arah meningkatkan iltizam dan penghayatan budaya kerja cemerlang di kalangan warga Perkhidmatan Awam.

♦ Untuk mewujudkan nilai tambah *(added value)* kepada Perkhidmatan Awam agar lebih cekap dan berkesan dalam melaksanakan peranan serta tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

## KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN II

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Pegawai dalam Bahagian II dinilai berdasarkan kepada sumbangan dan pencapaian pegawai-pegawai yang dinilai, dari berbagai segi, iaitu:

| | |
|---|---|
| Kepimpinan | Dinilai dari segi profesionalisme, keupayaan membimbing dan memimpin pegawai bawahan sebagai satu pasukan yang mantap. |
| Berwawasan *(Visioning)* | Dinilai dari segi kebijaksanaan *(wisdom)*, keupayaan berfikiran strategik *(strategic foresighting)*, membuat keputusan berorientasikan hasil. |
| Contoh Terbaik *(Role Model)* | Dinilai dari segi keupayaan sebagai pemangkin atau contoh terbaik. |
| Inisiatif | Dinilai dari segi inovasi dalam penghasilan idea / program / proses / kertas kerja / kertas dasar atau penyelidikan yang bermutu. |
| Komunikasi Berkesan | Dinilai dari segi keberkesanan menyampaikan atau membincangkan maklumat / idea / pengetahuan dengan tepat atau jelas. |

## KRITERIA PEMILIHAN APCPA BAGI BAHAGIAN III, IV & V

Kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih pegawai yang menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang ditumpukan kepada ciri-ciri penting yang dijadikan asas kepada prestasi kerja pegawai termasuklah mempunyai penilaian prestasi di tahap Cemerlang dua (2) tahun berturut-turut dan bersih dari tapisan keselamatan.

Ciri-ciri yang dinilai adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Contoh Terbaik *(Role Model)* | Keupayaan memimpin rakan sejawat atau orang bawahan. |
| Bakat | Berkebolehan tinggi dalam menghasilkan sumbangan atau hasil yang luar biasa kepada organisasi. |
| Keterampilan | Cara pembawaan diri, keupayaan berkomunikasi secara lisan atau perwatakan sesuai dengan keadaan. |
| Kreativiti | Inovatif / kualiti / kuantiti / kos / pembaharuan / pembaikan. |

# PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PEKERJA CEMERLANG PERKHIDMATAN AWAM (APCPA)

## JABATAN PERDANA MENTERI



**Dayang Hajah Kasma binti Pengarah Haji Mokti**
Bahagian III
Penyelia Arkib
Jabatan Peguam Negara



**Awang Haji Muhammad Jamil**
**@ Haji Abdul Aziz bin Haji Sungoh**
Bahagian IV
Kerani
Jabatan Perdana Menteri



**Awang Roslan bin Jamaluddin**
Bahagian V
Pembantu Pejabat
Polis Diraja Brunei

## KEMENTERIAN PERTAHANAN



**Dayang Mazveen Kaur Saggu**
Bahagian II
Pegawai Kerja
Pejabat Urusetia Pemerintah
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei



**Dayang Munirah Hayati binti Haji Hanipah**
Bahagian III
Penolong Pegawai Kerja Tingkat I
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia



**Dayang Norhayati binti Haji Japar**
Bahagian IV
Kerani
Pejabat Urusetia Setiausaha Tetap



**Awang Abu Bakar bin Haji Abd Ghani**
Bahagian V
Pelayan Mess Tingkat III
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia

## KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



**Awang Mohammad Nasrullah bin Adanan**
Bahagian II
Pegawai Kewangan
Jabatan Perbendaharaan



**Dayang Hajah Hamidah binti Haji Saman @ Haji Salam**
Bahagian III
Penolong Pegawai Kewangan Tingkat II
Kementerian Kewangan dan Ekonomi



**Dayang Hajah Siti Refiah binti Haji Bungsu**
Bahagian IV
Kerani Kewangan
Jabatan Perbendaharaan



**Dayang Hajah Norinah binti Haji Judin**
Bahagian V
Operator Telefon
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

## KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI



**Dayang Yuhanizah binti Dato Paduka Dr. Haji Ismail**
Bahagian II
Penolong Pengarah
Jabatan Pentadbiran



**Awang Haji Mohammadwali bin Haji Yusof**
Bahagian III
Setiausaha Ketiga
Jabatan Pentadbiran



**Dayang Saliah binti Haji Ahmad**
Bahagian IV
Jobbing Clerk
Jabatan Pentadbiran



**Dayangku Sa'adiah binti Pengiran Haji Budin**
Bahagian V
Pembantu Kerani (Open Vote)
Jabatan Pentadbiran

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**Awang Haji Sueb Rizal bin Haji Abd Malek**
Bahagian II
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri



**Awang Haji Bahrin bin Haji Ahad**
Bahagian III
Pembantu Teknik Kanan
Jabatan Daerah Brunei dan Muara



**Hajah Dayang Sura binti Dullah**
Bahagian IV
Kerani
Jabatan Daerah Belait



**Dayang Hajah Norhayati binti Haji Ashak**
Bahagian V
Pembantu Kerani
Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria

# KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



**Pengiran Hajah Ommi Kalthum binti Pengiran Haji Abdul Razak**
Bahagian II
Pegawai Pelajaran
Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam



**Dayang Hajah Sarifah binti Haji Ahmad**
Bahagian III
Guru Ugama Terlatih
Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga
Jabatan Hal Ehwal Syariah



**Dayang Hajah Kasimawati binti Kamis**
Bahagian IV
Kerani
Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam



**Awang Ahmad Sofren bin Haji Mohd Saidi**
Bahagian V
Pembantu Pejabat
Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam

## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN



**Dayang Wanidawati binti Tamat**
Bahagian II
Pegawai Perikanan Kanan
Jabatan Perikanan



**Pengiran Haji Ismail Kairuluddin bin Pengiran Haji Seruji**
Bahagian III
Penolong Pegawai Perikanan
Jabatan Perikanan



**Awang Streaker anak Rigien @ Awang Noh**
Bahagian IV
Pembantu Perhutanan
Jabatan Perhutanan



**Dayang Yusnita binti Haji Selamat**
Bahagian V
Pembantu Pejabat
Bahagian Pengurusan dan Kewangan

## KEMENTERIAN KESIHATAN



**Dayang Hajah Wan Aslina binti Haji Ibrahim**
Bahagian II
Juru X-Ray Kanan
Jabatan Radiologi
Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha



**Dayang Chua Tsay Whon**
Bahagian III
Ketua Tukang Ubat
Jabatan Perkhidmatan Farmasi



**Dayang Hajah Ismawati binti Haji Ismail**
Bahagian IV
Penyambut Tetamu Hospital
Jabatan Perkhidmatan Perubatan



**Dayang Hajah Sapiah binti Haji Md. Ali**
Bahagian V
Amah
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan

## KEMENTERIAN PEMBANGUNAN



**Dayang Marsita binti Omar**
Bahagian II
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Jabatan Perancang Bandar dan Desa



**Awang Hassan bin Tuba**
Bahagian III
Penyelia Pejabat
Pejabat Menteri,
Kementerian Pembangunan



**Dayang Hajah Masni binti Haji Md. Yusof**
Bahagian IV
Kerani
Bahagian Perancangan Pembangunan
Jabatan Perancang Bandar dan Desa



**Awang Mohd Azlan bin Abdullah**
Bahagian V
Pemandu Tingkat I
Jabatan Perkhidmatan Air

## KEMENTERIAN TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA) DAN PERINDUSTRIAN



**Dayang Siti Sarah binti Haji Awang Yusop**
Bahagian II
Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II
*Industry Competency Framework*



**Awang Haji Julaihi bin Haji Mohamad**
Bahagian IV
Kerani
Pentadbiran, Logistik dan Kewangan Dalaman



**Dayang Rohaya binti Haji Ahim**
Bahagian V
Penyambut Tetamu / Operator
Pusat Standard Kebangsaan

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**Dayang Eyrin Irna binti Haji Hamdan**
Bahagian III
Penolong Pentadbir
Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan



**Awang Haji Hasnan bin Haji Mohd Tahir**
Bahagian IV
Pembantu Teknik
Bahagian Estet di Bahagian Pentadbiran
IBTE, Kampus Sultan Saiful Rizal



**Awang Durasit bin Jafar**
Bahagian V
Tukang Kebun
Bahagian Estet di Bahagian Pentadbiran
IBTE, Kampus Sultan Saiful Rizal

## KEMENTERIAN PERHUBUNGAN



**Dayang Suhaila binti Haji Matzan**
Bahagian II
Pegawai Penyelidik dan Perkembangan
Kementerian Perhubungan



**Awang Haji Md. Said bin Matzin**
Bahagian III
Pegawai Penguatkuasa
Kementerian Perhubungan



**Awang Mohd Noor bin Haji Yusuf / Yussuf**
Bahagian IV
Kerani
Jabatan Perkhidmatan Pos



**Dayang Hajah Siti binti Haji Damit**
Bahagian V
Pembersih
Jabatan Perkhidmatan Pos

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN



**Pengiran Anak Mohamed Sofian bin Pengiran Anak Haji Ibrahim**
Bahagian II
Ketua Pegawai Belia dan Sukan
Jabatan Belia dan Sukan



**Awang Abd Ajihis bin Haji Terawih**
Bahagian III
Pelukis Tingkat II
Dewan Bahasa dan Pustaka



**Dayang Nooriah binti Haji Sulaiman**
Bahagian IV
Kerani
Jabatan Muzium-Muzium



**Awang Rozaimi bin Lajak @ Ajak**
Bahagian V
Pembantu Pejabat
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

# ANUGERAH PENGHARGAAN KHAS KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM (PKKPA)

# PENGENALAN

Anugerah Penghargaan Khas Kakitangan Perkhidmatan Awam (PKKPA) ini merupakan penghargaan kepada kakitangan dalam Bahagian V dalam perkhidmatan tetap yang telah memberikan jasa dan bakti kepada organisasi dan masyarakat sekeliling.

## OBJEKTIF

- Untuk memberikan penghargaan kepada kakitangan dalam Bahagian V, terutamanya pemegang jawatan-jawatan yang unik dan kurang diketahui mengenai peranannya, yang mana juga adalah penting dalam Perkhidmatan Awam serta telah menyumbangkan jasa kepada organisasi dan masyarakat.

- Untuk meningkatkan kesedaran di kalangan Perkhidmatan Awam mengenai jawatan-jawatan Bahagian V dalam kategori ini dan sekaligus memupuk budaya penghargaan *(culture of appreciation)* ke atas sumbangan tenaga mereka.

## KRITERIA DAN CIRI PENILAIAN DAN PEMILIHAN

Ciri penting yang dijadikan asas adalah bersih dari tapisan keselamatan dan kriteria yang digunakan dalam menilai dan memilih kakitangan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **Jasa** | Didefinasikan sebagai berbuat baik atau berbakti kepada organisasi dan masyarakat sekeliling. |
| **Keperibadian** | Didefinasikan sebagai mempunyai nilai-nilai mulia dan ciri-ciri terpuji. |
| **Komitmen** | Didefinasikan sebagai sikap memberi sepenuh tenaga dan perhatian kepada sesuatu tugas. |

# PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH PENGHARGAAN KHAS KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM (PKKPA) BAHAGIAN V

## JABATAN PERDANA MENTERI



**Awang Addy Sukerma Dewata @ Danial bin Abu Bakar**
Penjilid Tingkat IV
Jabatan Percetakan Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri

Awang Addy memulakan perkhidmatan beliau pada tahun 1996. Beliau mempunyai keperibadian yang peramah, amanah, dan mudah menghulurkan bantuan kepada rakan setugas serta bersedia menerima arahan daripada pegawai atasan. Dalam melaksanakan tugasan yang diberikan, beliau sentiasa menunjukkan sikap sabar dan tidak berputus asa meskipun menghadapi pelbagai cabaran seperti mesin rosak, karenah rakan sekerja, dan tempoh penyiapan kerja-kerja percetakan yang singkat.

Di antara tugasan beliau sebagai seorang penjilid ialah untuk mengendalikan mesin dan sedia bertugas pada bila-bila masa tanpa mengira waktu dan masa. Sebagai contoh, beliau terlibat dalam percetakan kertas-kertas soalan peperiksaan sekolah-sekolah yang dikehendaki siap serta merta. Beliau juga terlibat dalam menyiapkan kerja-kerja percetakan bagi acara-acara kenegaraan.

Kesemua tugasan ini memerlukan kemahiran dalam pengendalian mesin percetakan, dan juga menguji kesabaran. Ini kerana kebanyakan tugasan tersebut seringkali dibuat sepanjang malam hingga ke pagi. Di antara cabaran yang terpaksa beliau hadapi ialah suhu panas di dalam bilik boleh berubah menjadi tinggi disebabkan oleh mesin pencetak dan menjadikan suasana kerja kurang selesa. Akan tetapi bak kata peribahasa Melayu, 'alah bisa, tegal biasa', kesemua cabaran ini sudah menjadi lumrah di dalam kerjaya beliau. Beliau memilih untuk membersihkan mesin-mesin di bawah pengendalian beliau bagi memastikan aset-aset di bawah jagaan beliau sentiasa dalam keadaan yang baik.

Beliau mempunyai tiga (3) orang anak, dua daripadanya masih bersekolah dan seorang lagi masih kecil. Falsafah hidup beliau ialah 'inda camah mata' dan beliau berpendapat untuk menangani masalah bukan dengan kemarahan, kerana marah tidak akan dapat menyelesaikan sebarang masalah.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN



**Awang Shahbuddin bin Haji Saidi**
Pengendali Konsol *(Console Operator)*
Jabatan Pentadbiran Awam, Penanjong Garison,
Jabatanarah Pentadbiran dan Tenaga Manusia
Kementerian Pertahanan

Awang Shahbudin sudah berkhidmat sebagai pengendali konsol *(console operator)* selama lebih kurang 33 tahun. Atas sikap positif dan dedikasi yang telah beliau tunjukkan, beliau telah diberi kepercayaan untuk menjalankan tugas sebagai penghubung keselamatan padang tembak. Beliau merupakan seorang kakitangan yang tegas, jujur, mempunyai dedikasi yang tinggi, dan komited melaksanakan tugasan yang diberikan.

Tugas yang diamanahkan juga jelas memberikan kepentingan kepada organisasi terutama dalam memastikan keselamatan kawasan padang tembak sebelum dan selepas latihan dijalankan. Ini termasuk bagi memastikan mesin-mesin latihan berfungsi dalam keadaan yang baik.

Beliau juga telah diberikan peluang untuk menghadiri Kursus Asas Semboyan dan Kursus Semboyan B3 dan B2, dan menghadiri taklimat keselamatan alat perhubungan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan penjagaan keselamatan harta benda pejabat. Ini merupakan satu Jabatan bagi mendukung keperluan kompetensi beliau secara amnya di samping memastikan beliau dapat melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan baik.

Beliau mempunyai dua (2) orang anak perempuan dan kedua-duanya telah beroleh kejayaan yang dapat dibanggakan. Salah seorang anak beliau juga merupakan penuntut Universiti Brunei Darussalam yang mengambil pengajian dalam peringkat Doktor Falsafah (PhD). Isteri beliau juga merupakan seorang penjawat awam yang masih lagi berkhidmat di Pejabat Pentadbiran Awam, Perkhemahan Tutong, Kementerian Pertahanan.

Atas sumbangan dan prestasi kerja yang beliau tunjukkan, beliau telah menerima Anugerah Pekerja Cemerlang sempana Ulang Tahun Institut Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-43 pada 7 April 2012. Beliau juga telah dikurniakan Pingat Indah Kerja Baik (P.I.K.B) pada tahun 2007 dan Pingat Kerja Lama (P.K.L) pada tahun 2005.

## KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



**Awang Haji Alizan bin Abd Rahman**
Pemandu Motor Sangkut Tingkat I
Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Awang Haji Alizan mula berkhidmat bergaji hari di Kementerian Pendidikan pada tahun 1992 memandu temuai. Pada tahun 1996, beliau memulakan perkhidmatan beliau di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Bertugas sebagai kakitangan di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja memerlukan integriti dan komitmen yang tinggi. Beliau sentiasa melaksanakan tugas dengan titih dan memastikan keselamatan penumpang-penumpang.

Di sepanjang perkhidmatan, beliau telah menunjukkan prestasi kerja yang sangat baik terutama semasa aktiviti peroperasian di perairan Brunei. Komitmen beliau tidak dipertikaikan kerana berani berhadapan dengan tugas berisiko tinggi dan mencabar. Pengalaman kerja yang beliau miliki digunakan sebaiknya dalam menjalankan tugas seharian. Beliau dapat melaksanakan tugas tanpa bantuan tambahan atau penyeliaan rapi. Sikap menghormati pegawai kanan adalah antara kekuatan beliau tanpa membantah arahan yang diberikan.

Beliau merupakan anak keenam dari tujuh orang adik beradik dan sudah biasa ke laut sejak usia remaja mengikut ayah merambat. Dari pengalaman tersebut beliau telah mahir dalam pantang larang semasa berada di sungai dan laut serta tahu selok-belok perjalanan dalam keadaan cuaca yang baik atau buruk.

Sebagai hobi, beliau seringkali pergi ke laut menangkap ikan bersama dengan pegawai atasan dan rakan sekerja dan ini secara langsung mengeratkan tali silaturrahim dan semangat setia kawan di antara mereka.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI



**Awang Petrus bin Jumat**
Ahli Bomba Kelas Dua
Jabatan Bomba dan Penyelamat
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Awang Petrus memulakan perkhidmatan beliau pada tahun 2008. Beliau merupakan seorang ahli bomba yang berdedikasi, proaktif, jujur, amanah, lutanan, berintegriti tinggi dan mempunyai akauntabiliti terhadap tugas dan amanah yang diberikan kepada beliau. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai ahli bomba di Jabatan Bomba dan Penyelamat, beliau telah ditugaskan di cawangan operasi bagi mengendalikan tugas-tugas operasi dan menyelamat. Ketika ini beliau ditempatkan di Balai Bomba Beribi.

Di antara tugasan beliau ialah memberikan bantuan bagi panggilan kebakaran seperti kebakaran hutan, kebakaran bangunan dan rumah, panggilan kecemasan seperti mencari dan menyelamat mangsa lemas atau hilang, dan juga panggilan kecemasan bencana alam seperti tanah susur, banjir dan sebagainya.

Beliau juga merupakan anggota penyelam di Jabatan berkenaan. Beliau telah mengambil dan tamat kursus menyelam dan merupakan seorang jurulatih menyelam yang diikitiraf *(diver instructor)*. Selaku anggota penyelam, beliau telah menghasilkan tatacara operasi standard *(standard operating procedure)* bagi kelengkapan penyelam dan Unit Penyelam.

Di samping itu beliau juga adalah seorang jurulatih jasmani yang memang dikenali di Jabatan berkenaan. Beliau telah dinobatkan sebagai Penuntut Terbaik Keseluruhan ketika mengikuti Kursus Lanjutan Jurulatih Jasmani di Pusat Optima Kecergasan Tentera, Kementerian Pertahanan. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai ahli bomba, Awang Petrus telah menerima pelbagai anugerah seperti Anugerah Anggota Contoh sempena Sambutan Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat pada tahun 2014 dan 2018, serta Anugerah Ahli Bomba Pelatih Terbaik Keseluruhan bagi Skuad 43 pada tahun 2009.

Awang Petrus menjadikan ibu bapa beliau sebagai inspirasi hidup, ini kerana mereka telah bersusah payah membesarkan beliau dan enam (6) orang adik-beradik yang lain dengan penuh kasih sayang. Awang Petrus dianugerahkan seorang cahaya mata dari perkongsian hidupnya dengan isteri yang tercinta.

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA



**Dayang Maslinda binti Asang**
Tukang Kebun
Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Ugama

Dayang Maslinda merupakan seorang tukang kebun yang mempunyai keperibadian yang mulia dan sentiasa memberikan kerjasama apabila diperlukan oleh pegawai atasan. Sepanjang perkhidmatan beliau selama 14 tahun di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong, beliau telah melaksanakan tugasan dan tanggungjawab yang diamanahkan dengan semangat yang tinggi. Beliau juga bersedia untuk menerima tugasan tambahan tanpa mengeluh.

Tugas beliau sebagai tukang kebun memainkan peranan yang penting dalam memastikan lanskap dan kawasan pejabat dalam keadaan cantik dan bersih. Pokok-pokok bunga yang dibaja, disiram dan dicantas mencerminkan keperibadian beliau sebagai seorang tukang kebun yang berdedikasi. Lanskap pejabat yang cantik juga memberikan imej yang positif kepada masyarakat awam yang membuat urusan di pejabat tersebut.

